

Sektor perkhidmatan jana RM568.3 billion

PETALING JAYA: Hasil sektor perkhidmatan tumbuh 6.9 peratus tahun ke tahun pada suku kedua 2023 kepada RM568.3 bilion, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, prestasi sektor perkhidmatan dipacu oleh segmen perdagangan borong dan runcit; makanan dan minuman, serta penginapan yang meningkat 5.9 peratus kepada RM433.5 bilion.

Kata beliau, ia diikuti segmen maklumat dan komunikasi; pengangkutan dan penyimpanan dan segmen profesional; harta tanah dan pentadbiran serta khidmat sokongan yang masing-masing meningkat 10.1 peratus dan 9.9 peratus kepada RM79.5 bilion dan RM35.8 bilion.

Sementara itu, bagi pendapatan e-dagang, beliau berkata, ia mencatatkan nilai sebanyak RM280.5 bilion iaitu tumbuh

2.5 peratus tahun ketahun.

“Walau bagaimanapun, pendapatan e-dagang menurun sebanyak 3.8 peratus berbanding suku tahun sebelumnya,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd. Uzir memberitahu, jumlah hasil pada suku kedua 2023 naik 1.4 peratus atau RM8.0 bilion, didorong oleh segmen perdagangan borong dan runcit; makanan dan minuman serta penginapan yang meningkat 1.2 peratus.

“Ini diikuti oleh segmen maklumat dan komunikasi, dan pengangkutan dan penyimpanan dan segmen profesional; harta tanah dan pentadbiran serta khidmat sokongan, masing-masing meningkat 2.1 peratus dan 1.7 peratus,” kata beliau.

Tambah Mohd. Uzir, jumlah pekerja dalam sektor dikaji ialah 4.4 juta orang, bertambah sebanyak 73,400 orang atau 1.7 peratus tahun ke tahun.